

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]**

SOALAN

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini cadangan Kerajaan untuk pelantikan guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) ke dalam skim perjawatan tetap kerana masih lagi terdapat 31,460 orang guru KAFA yang bertaraf kontrak yang berkhidmat di seluruh negara.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, program KAFA telah dilaksanakan di seluruh negara bermula pada tahun 1990. Ia merupakan program pengukuhan berkonsepkan pendidikan agama Islam peringkat rendah kepada kanak-kanak Islam berumur 7 hingga 12 tahun. Ia memberi penekanan kepada asas-asas fardhu ain dan kemahiran membaca al-Quran serta amali, di samping memberi kemahiran dalam penulisan dan pembacaan jawi. Sehingga Mac 2019, jumlah murid KAFA di seluruh negara adalah seramai 998,248 orang dengan jumlah guru KAFA seramai 33,200 orang. Jumlah premis KAFA yang berdaftar pula adalah sebanyak 5,640 buah dengan 36,002 buah kelas.

NO. SOALAN: 498

Melihat kepada perkembangan pendidikan KAFA di Malaysia yang sangat positif, Kerajaan berusaha untuk memperkasakan lagi pelaksanaan program KAFA dengan menubuhkan *Task Force* Pewujudan Jawatan Guru dan Menaik Taraf Jawatan Penyelia KAFA. Cadangan tersebut akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk mendapat kelulusan.

Sekian, terima kasih.